

Sun Life Malaysia Takaful Berhad (689263-M)

Level 11, 338 Jalan Tuanku Abdul Rahman

50100 Kuala Lumpur, Malaysia

Telephone (603) 2612 3600

Facsimile (603) 2698 7035

Customer Careline 1300-88-5055

sunlifemalaysia.com



SinarLink Sakinah

Pelan prihatin terhadap segala keperluan gaya hidup anda.
A caring plan that takes care of all your lifestyle needs.

Apa itu SinarLink Sakinah?

Ia adalah pelan berkaitan-pelaburan sumbangan berkala yang menawarkan perlindungan Takaful dan potensi pulangan pelaburan sehingga umur 99 tahun.

Selain daripada perlindungan ke atas kematian dan hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD), SinarLink Sakinah membolehkan anda melabur di dalam dana-dana yang anda inginkan dan menggunakan sepenuhnya kemudahan untuk penambahan, penukaran dana dan pengeluaran separa. Walau apa jua perancangan anda, sama ada mula berkeluarga, menyediakan pendidikan anak-anak, memulakan perniagaan sendiri atau merancang untuk persaraan, anda yakin dan tahu bahawa anda memiliki fleksibiliti untuk memilih apa yang anda perlukan untuk memenuhi keperluan dan matlamat kewangan anda.

Bukan itu sahaja, ia adalah pelan pintar yang memberikan anda kebebasan untuk memilih pelbagai rider seperti Takaful *Hospitalisation and Surgical*, Takaful *Multiple Pay Critical Illness*, Takaful *Accidental Death*, Takaful *Weekly Disability Income* dan Takaful *Waiver of Contribution* sebagai jaminan kewangan tambahan. Dengan SinarLink Sakinah, kini anda mampu menjalani kehidupan dengan penuh yakin, tanpa dibelenggu kebimbangan.

Mengenai SinarLink Sakinah

Pelan ini menyediakan manfaat-manfaat berikut:

Kematian	Jumlah yang dilindungi bersama nilai akaun pelaburan
TPD	Jumlah yang dilindungi bersama nilai akaun pelaburan (<i>Perlindungan TPD akan tamat pada ulang tahun kontrak, sejurus selepas hari lahir ke-65 orang yang dilindungi</i>)
Serahan	Nilai serahan adalah bersamaan dengan nilai akaun pelaburan, yang dikira dengan merujuk kepada nilai unit-unit yang dikeluarkan pada harga semasa tarikh penilaian, sejurus selepas penerimaan permohonan untuk pengeluaran
Apabila matang pada umur 99 tahun	Jumlah yang dilindungi bersama nilai akaun pelaburan

Tempoh dan bayaran sumbangan

Tempoh sumbangan adalah bersamaan dengan tempoh kontrak. Sumbangan Takaful minimum adalah RM2,400 setahun dan bayaran boleh dibuat secara bulanan, suku tahunan, setengah tahunan atau tahunan dengan menggunakan kad kredit atau debit terus.

Tempoh kontrak

99 tahun ditolak umur kemasukan orang yang dilindungi.

Kelayakan (Berdasarkan umur pada hari jadi terakhir)

	Orang yang dilindungi	Pemegang kontrak
Umur kemasukan minimum	30 hari	18 tahun
Umur kemasukan maksimum	65 tahun	Tiada had ¹
Umur tamat maksimum	99 tahun	Tidak berkaitan

¹ Sah untuk pelan asas sahaja tanpa rider.

Dana-dana berkaitan-pelaburan

Berdasarkan matlamat kewangan dan toleransi risiko individu, anda boleh melabur di dalam satu atau lebih dana-dana berkaitan-pelaburan pilihan anda yang diuruskan secara profesional:

Dana	Objektif & strategi
Dana Sun Life Malaysia Islamic Bond	<p>Objektif dana: Untuk menyediakan pulangan di dalam pendapatan terutamanya melalui bon-bon (Sukuk) Malaysia yang patuh Shariah dan lain-lain sekuriti pendapatan tetap yang patuh Shariah.</p> <p>Strategi dana: Nilai Aset Bersih (NAB) dana ini boleh dilaburkan di dalam sekuriti-sekuriti pendapatan tetap Malaysia yang mematuhi Shariah yang mempunyai penarafan minimum “AA3” atau “P1” atau seumpamanya seperti yang ditentukan oleh agensi-agensinya penarafan yang ada di Malaysia. Selaras dengan objektifnya, strategi dan polisi pelaburan dana ini adalah untuk melabur di dalam pelbagai portfolio sekuriti pendapatan tetap yang diluluskan. Peruntukan aset dana ini adalah sekurang-kurangnya 80% di dalam sekuriti-sekuriti pendapatan tetap yang patuh Shariah pada setiap masa.</p>
Dana Sun Life Malaysia Islamic Equity	<p>Objektif dana: Untuk menyediakan pertumbuhan modal dalam jangka waktu sederhana ke jangka panjang terutamanya melalui pelbagai ekuiti-ekuiti berorientasikan pertumbuhan yang mematuhi Shariah dari senarai sekuriti-sekuriti yang patuh Shariah oleh Majlis Penasihat Shariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.</p> <p>Strategi dana: Dana ini boleh melabur sehingga 98% daripada Nilai Aset Bersihnya (NAB) di dalam ekuiti-ekuiti patuh Shariah dari senarai sekuriti-sekuriti yang patuh Shariah oleh Majlis Penasihat Shariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Strategi dana ini akan bertumpu kepada pelaburan di dalam saham syarikat-syarikat dengan potensi pertumbuhan dan tersenarai di papan utama Bursa Malaysia Berhad. Peruntukan aset dana ini adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">- Sekurang-kurangnya 80% di dalam ekuiti yang patuh Shariah pada setiap masa; dan- Bakinya di dalam aset-aset cair yang patuh Shariah.
Dana Sun Life Malaysia AIIAMAN Select Income	<p>Objektif dana: Dana ini melabur ke dalam Dana Affin Hwang AIIAMAN Select Income (“dana sasaran”) dengan objektif untuk menyediakan aliran pendapatan yang tetap kepada pelabur melalui pelaburan yang patuh Shariah.</p> <p>Strategi dana: Dana sasaran akan melabur dalam pelbagai portfolio Sukuk, ekuiti yang patuh Shariah dan instrumen pasaran wang Islam. Pelaburan dalam Sukuk akan merangkumi Sukuk terbitan Malaysia dan terbitan asing sama ada diterbitkan oleh kerajaan atau syarikat. Dana sasaran berusaha untuk melabur dalam pasaran asing di mana pihak berkuasa yang mengawalselia adalah ahli International Organization of Securities Commissions (“IOSCO”). Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada negara-negara berikut: Australia, Bahrain, China, Mesir, Hong Kong, India, Indonesia, Kazakhstan, Korea, Filipina, Arab Saudi, Singapura, Taiwan, Thailand, Turki, Qatar dan United Arab Emirates. Peruntukan aset dana sasaran adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">- Sukuk dan instrumen pasaran wang Islam: Minimum 60%, maksimum 100%- Ekuiti yang patuh Shariah: Maksimum 40%- Tunai dan deposit yang patuh Shariah dengan institusi kewangan: Baki <p>Pengurus dana: Affin Hwang Asset Management Berhad (dahulunya dikenali sebagai Hwang Investment Management Berhad)</p>

Dana-dana berkaitan-pelaburan (samb.)

Dana	Objektif & strategi
<p>Dana Sun Life Malaysia Islamic Asia Pacific Equity</p>	<p>Objektif dana: Dana ini disalurkan ke dalam Dana CIMB Islamic Asia Pacific Equity (“dana sasaran”) dengan objektif untuk mencapai peningkatan modal dan pendapatan dalam jangka panjang sementara mematuhi kriteria pelaburan Shariah, melalui pelaburan dalam pasaran baharu muncul dan membangun di rantau Asia Pasifik (kecuali Jepun).</p> <p>Strategi dana: Dana sasaran pada dasarnya merupakan dana ekuiti yang melabur melalui sekuriti ekuiti syarikat yang berdomisil di, disenaraikan, dan/atau mempunyai operasi ketara di pasaran baharu muncul dan membangun di rantau Asia Pasifik (kecuali Jepun), iaitu Hong Kong SAR, Taiwan, Korea, Republik Rakyat China, Indonesia, Malaysia, India, Thailand, Filipina, Sri Lanka, Singapura, Australia dan New Zealand. Pelaburan dalam Sukuk mestilah memenuhi syarat penarafan minimum sekurang-kurangnya “BBB3” atau “P2” oleh RAM atau penarafan yang setaraf dengannya oleh MARC atau agensi(-agensi) penarafan tempatan negara; “BB” oleh S&P atau penarafan yang setaraf dengannya oleh Moody atau Fitch. Peruntukan aset dana sasaran adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Ekuiti: Minimum 70%, maksimum 98% - Sukuk dan deposit: Maksimum 30% - Aset cair: Minimum 2% <p>Pengurus dana: CIMB-Principal Asset Management Berhad</p>
<p>Dana Sun Life Malaysia Islamic World Equity</p>	<p>Objektif dana: Dana ini melabur ke dalam Dana Aberdeen Islamic World Equity (“dana sasaran”) dengan objektif untuk mencapai peningkatan modal dalam jangka panjang melalui pelaburan di dalam portfolio antarabangsa ekuiti dan sekuriti berkaitan-ekuiti yang patuh Shariah.</p> <p>Strategi dana: Dana sasaran melaburkan 90%-100% daripada Nilai Aset Bersih (NAB) dalam ekuiti dan sekuriti berkaitan-ekuiti yang patuh Shariah. Baki NAB dana sasaran yang tidak dilaburkan ke dalam ekuiti dan sekuriti berkaitan-ekuiti yang patuh Shariah akan dilaburkan ke dalam aset cair Islam dan/atau dipegang dalam bentuk tunai. Peruntukan aset dana sasaran adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Ekuiti dan sekuriti berkaitan-ekuiti yang patuh Shariah: Minimum 90%, maksimum 100% - Aset cair Islam dan/atau Tunai: Minimum 0%, maksimum 10% - Pilihan ekuiti untuk dana: termasuk tetapi tidak terhad kepada ekuiti Kanada, Amerika Syarikat, United Kingdom, Perancis, Jerman, Itali, Belanda, Sweden, Switzerland, Jepun, Australia, China, Hong Kong, Korea, Singapura, Taiwan, Brazil dan Mexico. <p>Pengurus dana: Aberdeen Islamic Asset Management Sdn. Bhd.</p>

Penambahan

	Sumbangan penambahan berjadual	Sumbangan penambahan tunggal
Minimum	RM50 (dalam gandaan RM10) setiap bulan	RM500 (dalam gandaan RM10) setiap transaksi
Maksimum	Tiada had	Tiada had

Peruntukan sumbangan

Sumbangan yang diperuntukkan akan disalurkan ke dalam dana-dana yang dipilih oleh pemegang kontrak.

Tahun sumbangan	Peruntukan sumbangan (% dari sumbangan Takaful)	Peruntukan sumbangan (% dari sumbangan penambahan)
1	40%	95%
2	60%	95%
3	70%	95%
4	80%	95%
5 - 6	90%	95%
7 dan ke atas	100%	95%

Sumbangan yang tidak diperuntukkan (yuran wakalah) akan digunakan untuk komisen dan perbelanjaan pengurusan.

Tahun sumbangan	Sumbangan yang tidak diperuntukkan (% dari sumbangan Takaful)	Sumbangan yang tidak diperuntukkan (% dari sumbangan penambahan)
1	60%	5%
2	40%	5%
3	30%	5%
4	20%	5%
5 - 6	10%	5%
7 dan ke atas	0%	5%

Yuran & caj

Tabarru'	Tabarru' untuk manfaat Takaful termasuk rider pilihan (jika ada) akan dikutip melalui penebusan unit-unit dari nilai akaun pelaburan pada harga unit tarikh kontrak dikeluarkan dan pada setiap ulangtahun bulanan kontrak. Tabarru' (termasuk yuran rider penolakan unit ke atas tabarru') yang dikutip akan tertakluk kepada Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP ²), yang mana berkenaan.
Yuran bulanan	RM5.30 (termasuk CBP ²) akan dikenakan ke atas setiap kontrak bagi setiap bulan melalui penebusan unit-unit dari nilai akaun pelaburan pada harga unit tarikh kontrak dikeluarkan dan pada setiap ulangtahun bulanan kontrak.
Yuran rider penolakan unit ke atas tabarru'	Yuran rider penolakan unit ke atas tabarru' semasa ialah 20% daripada tabarru' rider, yang membentuk sebahagian daripada tabarru' rider yang dikumpul. Yuran rider penolakan unit ke atas tabarru' hanya dikenakan kepada rider (rider-rider) penolakan unit yang disertakan (jika ada).
Yuran penukaran dana	3 penukaran dana tanpa caj disediakan untuk setiap tahun kontrak. Penukaran seterusnya tertakluk kepada RM53 (termasuk CBP ²) untuk setiap penukaran.

Yuran & caj (samb.)

Yuran pengeluaran separa	RM53 (termasuk CBP ²) bagi setiap transaksi daripada amaun pengeluaran separa.
Yuran pengurusan dana (FMF)	Sila rujuk Helaian Fakta Dana untuk maklumat dan caj.

Nota: Semua yuran & caj tidak dijamin dan sebarang perubahan akan dimaklumkan kepada anda dengan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya 90 hari dari tarikh berkuatkuasa.

² Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) mengikut Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 yang kini pada kadar 6%. Kadar semasa CBP adalah tertakluk kepada perubahan.

Perkongasian lebihan

Tabarru' yang dikutip akan diperuntukkan ke dalam dana tabarru' peserta (PTF). Ia akan digunakan untuk membantu semua orang yang dilindungi yang berhadapan dengan kesukaran kewangan dan untuk membayar manfaat terakhir. Pada akhir setiap tahun, sebarang lebihan yang diumumkan dari PTF selepas pembayaran balik qard (jika ada) akan dikongsi antara anda dengan kami pada nisbah 50:50.

Komisen

Berikut adalah contoh komisen (sebagai peratusan atas sumbangan Takaful) berdasarkan sumbangan Takaful RM2,400 setahun:

Tahun kontrak	1	2	3	4	5	6
Kadar komisen (%)	20	5	5	5	5	5
Komisen (RM)	480	120	120	120	120	120

Tahun kontrak	7	8	9	10	Seterusnya
Kadar komisen (%)	5	5	5	5	0
Komisen (RM)	120	120	120	120	0

- 1) Untuk sumbangan penambahan berjadual/sumbangan penambahan tunggal, komisen sebanyak 3.75% perlu dibayar dan ditanggung oleh pemegang kontrak.
- 2) Bonus prestasi (5% daripada sumbangan Takaful tahun pertama) dan bonus berterusan (10% daripada sumbangan Takaful tahun ke-2 dan ke-3) perlu dibayar dan ditanggung oleh pemegang kontrak.

Rider untuk perlindungan tambahan

SinarLink Sakinah memberikan anda kebebasan untuk memilih dan menyertakan pelbagai rider penolakan unit kepada pelan asas anda:

- 1) Rider Manfaat Takaful *Hospitalisation and Surgical*
- 2) Rider Manfaat Takaful *Multiple Pay Critical Illness*
- 3) Rider Manfaat Takaful *Accidental Death*
- 4) Rider Manfaat Takaful *Weekly Disability Income*
- 5) Rider Manfaat Takaful *Person Covered Waiver of Contribution*
- 6) Rider Manfaat Takaful *Contract Holder Waiver of Contribution*

Rider untuk perlindungan tambahan (samb.)

Sila rujuk kepada dokumen-dokumen kontrak untuk senarai penuh terma-terma, syarat-syarat dan pengecualian-pengecualian di bawah rider-rider tersebut.

1) Rider Manfaat Takaful *Hospitalisation and Surgical*

Dengan kemunculan penyakit-penyakit baru dan peningkatan kes kemalangan setiap hari, penjagaan perubatan telah menjadi keperluan untuk setiap insan. Rider Manfaat Takaful *Hospitalisation and Surgical* kami boleh membantu mengurangkan beban kewangan akibat peningkatan dalam kos perubatan.

Jadual manfaat

Manfaat-manfaat pelan	Pelan A (RM)	Pelan B (RM)	Pelan C (RM)	Pelan D (RM)
A) Bilik dan penginapan hospital¹				
Bilik dan penginapan hospital (maksimum 180 hari setahun)	150	250	350	500
Unit rawatan rapi (maksimum 60 hari setahun)	Seperti caj yang dikenakan			
B) Perbelanjaan hospital				
Bekalan dan perkhidmatan hospital	Seperti caj yang dikenakan			
C) Perbelanjaan pembedahan				
Yuran pembedahan (tertakluk kepada jadual pembedahan)	Seperti caj yang dikenakan			
Yuran pakar bius				
Yuran dewan pembedahan				
Perkhidmatan diagnosis sebelum kemasukan hospital (dalam tempoh 90 hari sebelum kemasukan hospital)				
Rawatan selepas kemasukan hospital (dalam tempoh 60 hari selepas keluar hospital)				
D) Perbelanjaan bukan pembedahan				
Lawatan pakar perubatan dalam hospital (maksimum 120 hari setahun dan 2 lawatan sehari)	Seperti caj yang dikenakan			
Rundingan pakar sebelum kemasukan hospital (dalam tempoh 90 hari sebelum kemasukan hospital)				
Rawatan selepas kemasukan hospital (dalam tempoh 60 hari selepas keluar hospital)				
Rawatan kecemasan kemalangan pergigian (dalam tempoh 24 jam selepas kemalangan)				

Jadual manfaat (samb.)

Manfaat-manfaat pelan	Pelan A (RM)	Pelan B (RM)	Pelan C (RM)	Pelan D (RM)
D) Perbelanjaan bukan pembedahan (samb.)				
Rawatan kecemasan kemalangan pesakit luar (dalam tempoh 24 jam selepas kemalangan)	Seperti caj yang dikenakan			
Prosedur pembedahan harian				
Rawatan kecemasan pesakit luar (dari pukul 12 pagi hingga 6 pagi)				
Yuran ambulans				
Elaun tunai harian hospital kerajaan Malaysia (maksimum 180 hari setahun)	50	50	50	50
Pemindahan organ utama ⁴ (sekali seumur hidup)	Seperti caj yang dikenakan			
Yuran laporan perubatan	100	100	100	100
Rawatan kanser pesakit luar	Seperti caj yang dikenakan			
Rawatan dialisis buah pinggang pesakit luar				
Penjagaan rawatan rumah (maksimum setiap hilang upaya)	500	750	1,000	1,500
Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP)	Seperti caj yang dikenakan			
Had tahunan keseluruhan	75,000	125,000	175,000	250,000
Had seumur hidup keseluruhan	750,000	1,250,000	1,750,000	2,500,000

³ Sekiranya terdapat naik taraf untuk bilik dan penginapan, orang yang dilindungi hendaklah menanggung perbezaan penuh antara caj sebenar dengan manfaat bilik dan penginapan yang dibenarkan serta sebanyak 20% daripada manfaat lain yang layak dalam bil hospital.

⁴ Merangkumi kos untuk pemindahan organ utama orang yang dilindungi, sebagai penerima organ dan bukannya sebagai penderma organ.

2) Rider Manfaat Takaful *Multiple Pay Critical Illness*

Rider Manfaat Takaful *Multiple Pay Critical Illness* menyediakan perlindungan tambahan untuk penyakit kritikal yang membolehkan orang yang dilindungi membuat sebanyak 4 tuntutan dan membayar kepada anda sehingga 4 kali ganda jumlah yang dilindungi bagi rider untuk sepanjang tempoh rider. Setiap diagnosis penyakit kritikal hendaklah dari kumpulan penyakit kritikal yang berlainan, kecuali untuk Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari dan Kanser. Rider ini turut memberi perlindungan untuk 2 kejadian Kanser, sekiranya had pembayaran maksimum masih belum dicapai. Untuk Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, hanya 10% daripada jumlah yang dilindungi untuk rider atau maksimum RM25,000 akan dibayar.

2) Rider Manfaat Takaful *Multiple Pay Critical Illness* (samb.)

Kumpulan penyakit kritikal:

Kumpulan 1

- Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari
- Pembedahan Pintasan Arteri Koronari
- Serangan Jantung
- Kegagalan Buah Pinggang
- Pemindahan Organ Utama (Buah Pinggang)
- Penyakit Sistik Medular
- Penyakit Arteri Koronari Serious
- Strok/Angin Ahmar
- Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk

Kumpulan 2

- Kardiomiopati
- Pembedahan Injap Jantung
- Pemindahan Organ Utama (Jantung)
- Pembedahan Aorta

Kumpulan 3

- Tumor Otak Benign
- Buta – Kekal dan Tidak Boleh Pulih
- Pembedahan Otak
- Koma
- Pekak – Kekal dan Tidak Boleh Pulih
- Hilang Keupayaan Bertutur
- Trauma Kepala Major (Teruk)
- Kelecuran Tahap Ketiga

Kumpulan 4

- Kegagalan Hati Tahap Akhir
- Penyakit Paru-paru Tahap Akhir
- Hepatitis Viral Fulminan
- Pemindahan Organ Utama (Hati/Paru-paru/Pankreas)
- Hipertensi Arteri Pulmonari Primer

Kumpulan 5

- Penyakit Alzheimer/Demensia Teruk
- Meningitis Bakteria
- Ensefalitis
- Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)
- Penyakit Neuron Motor
- Sklerosis Multipel
- Distrofi Otot
- Kelumpuhan Anggota
- Penyakit Parkinson

Kumpulan 6

- Kanser
- Anemia Aplastik Kronik
- Jangkitan HIV melalui Transfusi Darah
- Transplan Organ Utama/Sumsum Tulang

3) Rider Manfaat Takaful *Accidental Death*

Rider Manfaat Takaful *Accidental Death* akan memastikan anda dan keluarga anda sentiasa dilindungi dari segi kewangan seandainya kematian berlaku. Rider Manfaat Takaful *Accidental Death* menyediakan perlindungan tambahan 100% daripada jumlah yang dilindungi untuk rider dalam kejadian kematian orang yang dilindungi akibat kemalangan.

4) Rider Manfaat Takaful *Weekly Disability Income*

Hilang upaya akibat kemalangan atau penyakit boleh menyebabkan kehilangan pendapatan. Rider Manfaat Takaful *Weekly Disability Income* kami menyediakan pendapatan berterusan yang boleh membantu anda dan keluarga anda di saat anda memerlukannya. Rider ini menyediakan pendapatan mingguan untuk hilang upaya sehingga 52 minggu dalam kejadian hilang upaya atas orang yang dilindungi akibat penyakit (yang menyebabkan kemasukan hospital) atau kemalangan.

5) Rider Manfaat Takaful *Person Covered Waiver of Contribution*

Kami memahami bahawa kesejahteraan keluarga anda adalah keutamaan nombor satu anda. Lebih dari segalanya, anda ingin memastikan kesemua keperluan mereka terjaga dan masa hadapan mereka turut terjamin setiap masa sekiranya anda menghidap penyakit kritikal. Rider Manfaat Takaful *Person Covered Waiver of Contribution* akan mengecualikan kesemua sumbangan masa depan sehingga tarikh luput pelan asas apabila anda didiagnosis menghidap salah 1 daripada 36 penyakit kritikal yang dilindungi.

6) Rider Manfaat Takaful *Contract Holder Waiver of Contribution*

Tidak ada perkara lain yang lebih penting daripada melindungi keluarga anda dan memastikan keperluan mereka dipenuhi. Anda bekerja keras setiap hari untuk menyediakan segalanya kepada mereka tetapi adakah ia mencukupi untuk memastikan masa depan mereka terjamin? Rider Manfaat Takaful *Contract Holder Waiver of Contribution* akan mengecualikan kesemua sumbangan masa depan sehingga tamat tempoh rider sekiranya pemegang kontrak meninggal dunia, mengalami TPD atau apabila didiagnosis menghidap salah 1 daripada 36 penyakit kritikal yang dilindungi. Perlindungan TPD akan tamat pada ulang tahun kontrak, sejurus selepas hari lahir pemegang kontrak yang ke-65.

Senarai 36 penyakit kritikal

(untuk Rider Manfaat Takaful *Person Covered Waiver of Contribution* dan Rider Manfaat Takaful *Contract Holder Waiver of Contribution*)

1	Penyakit Alzheimer/Demensia Teruk	11	Pekak – Kekal dan Tidak Boleh Pulih
2	Meningitis Bakteria	12	Ensefalitis
3	Tumor Otak Benign	13	Kegagalan Hati Tahap Akhir
4	Buta – Kekal dan Tidak Boleh Pulih	14	Penyakit Paru-paru Tahap Akhir
5	Pembedahan Otak	15	Hepatitis Viral Fulminan
6	Kanser	16	Serangan Jantung
7	Kardiomiopati	17	Pembedahan Injap Jantung
8	Anemia Aplastik Kronik	18	Jangkitan HIV melalui Transfusi Darah
9	Koma	19	Kegagalan Buah Pinggang
10	Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	20	Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)

Senarai 36 penyakit kritikal

(untuk Rider Manfaat Takaful *Person Covered Waiver of Contribution* dan Rider Manfaat Takaful *Contract Holder Waiver of Contribution*) (samb.)

21	Hilang Keupayaan Bertutur	29	Penyakit Parkinson
22	Trauma Kepala Major (Teruk)	30	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer
23	Transplan Organ Utama/Sumsum Tulang	31	Penyakit Arteri Koronari Serius
24	Penyakit Sistik Medular	32	Strok/Angin Ahmar
25	Penyakit Neuron Motor	33	Pembedahan Aorta
26	Sklerosis Multipel	34	Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk
27	Distrofi Otot	35	Penyakit Terminal (Membawa Maut)
28	Kelumpuhan Anggota	36	Kelecuran Tahap Ketiga

Pengecualian-pengecualian

(Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada dokumen-dokumen kontrak untuk maklumat lanjut mengenai pengecualian-pengecualian)

Manfaat	Pengecualian-pengecualian
Manfaat kematian	Hanya nilai akaun pelaburan yang akan dibayar sekiranya kematian orang yang dilindungi disebabkan oleh bunuh diri (sama ada waras atau tidak waras) dalam tempoh 12 bulan dari tarikh kontrak dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula, yang mana terkemudian.
Manfaat TPD	Tiada manfaat akan dibayar sekiranya TPD disebabkan oleh: <ul style="list-style-type: none">• Berkhidmat secara aktif dalam tentera laut, tentera darat, tentera udara, perkhidmatan berkaitan kebakaran dan polis;• AIDS;• Perjalanan melalui udara selain dari penerbangan komersial;• Melanggar undang-undang;• Penyalahgunaan dadah atau alkohol;• Sebarang percubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri (sama ada waras atau tidak waras); atau• Mogok, rusuhan, rusuhan awam.
Rider Manfaat Takaful Hospitalisation and Surgical	Tiada manfaat akan dibayar sekiranya dimasukkan ke hospital, pembedahan atau caj-caj disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagian, oleh mana-mana satu yang berikut: <ul style="list-style-type: none">• AIDS;• Perjalanan melalui udara selain dari penerbangan komersial;• Sebarang percubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri (sama ada waras atau tidak waras);• Prosedur penyunatan atau pensterilan;• Keabnormalan kongenital;• Pembedahan kosmetik atau plastik;• Rawatan pergigian atau pembedahan oral;• Peralatan atau perkakasan prostetik luaran;• Sukan berbahaya;• Penyalahgunaan dadah atau alkohol;• Keadaan perubatan atau fizikal yang berlaku dalam tempoh menunggu;• Rawatan untuk ketagihan alkohol atau dadah;• Pendermaan organ;• Kehamilan, kelahiran anak, keguguran atau pengguguran;

Pengecualian-pengecualian (samb.)

Manfaat	Pengecualian-pengecualian
Rider Manfaat Takaful Hospitalisation and Surgical (samb.)	<ul style="list-style-type: none"> • Keadaan sedia ada; • Sakit jiwa, gangguan mental atau saraf; • Radiasi atau pencemaran dari nuklear; • Pertukaran jantung; • Penyakit tertentu; atau • Mogok, rusuhan, rusuhan awam.
Rider Manfaat Takaful Multiple Pay Critical Illness	<p>Tiada manfaat akan dibayar sekiranya penyakit kritikal disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagian, oleh mana-mana satu yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • AIDS; • Keadaan kongenital; • Penyakit kritikal dalam tempoh menunggu kecuali keadaan penyakit kritikal disebabkan oleh kecederaan akibat kemalangan; • Meninggal dunia dalam tempoh hidup; • Penyalahgunaan dadah atau alkohol; • Mengambil bahagian dalam mana-mana kegemaran/aktiviti seperti sebarang jenis perlumbaan, sukan udara, menyelam, sukan profesional; • Keadaan sedia ada; • Mencederakan diri sendiri sama ada waras atau tidak waras; atau • Peperangan, peperangan biologi/peperangan kimia, keganasan.
Rider Manfaat Takaful Accidental Death	<p>Tiada manfaat akan dibayar sekiranya kematian akibat kemalangan disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagian, oleh mana-mana satu yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perjalanan melalui udara selain dari penerbangan komersial; • Sebarang percubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri (sama ada waras atau tidak waras); • Perbuatan jenayah; • Sukan berbahaya; • Penyalahgunaan dadah atau alkohol; • Kehamilan atau kelahiran anak; • Kekacatan fizikal atau mental yang sedia ada; atau • Mogok, rusuhan, rusuhan awam.
Rider Manfaat Takaful Weekly Disability Income	<p>Tiada manfaat akan dibayar sekiranya hilang upaya menyeluruh dan sementara atau hilang upaya separa dan sementara disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagian, oleh mana-mana satu yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perjalanan melalui udara selain dari penerbangan komersial; • Sebarang percubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri (sama ada waras atau tidak waras); • Perbuatan jenayah; • Sukan berbahaya; • Penyalahgunaan dadah atau alkohol; • Kehamilan atau kelahiran anak; • Keadaan sedia ada; • Mogok, rusuhan, rusuhan awam; atau • Hilang upaya akibat penyakit dalam tempoh menunggu.
Rider Manfaat Takaful Person Covered Waiver of Contribution	<p>Tiada sumbangan masa depan akan dikecualikan sekiranya penyakit kritikal disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagian, oleh mana-mana satu yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • AIDS; • Keadaan kongenital; • Penyakit kritikal dalam tempoh menunggu kecuali keadaan penyakit kritikal disebabkan oleh kecederaan akibat kemalangan; • Penyalahgunaan dadah atau alkohol;

Pengecualian-engecualian (samb.)

Manfaat	Pengecualian-engecualian
Rider Manfaat Takaful Person Covered Waiver of Contribution (samb.)	<ul style="list-style-type: none">• Mengambil bahagian dalam mana-mana kegemaran/aktiviti seperti sebarang jenis perlumbaan, sukan udara, menyelam, sukan profesional;• Keadaan sedia ada;• Mencederakan diri sendiri sama ada waras atau tidak waras; atau• Peperangan, peperangan biologi/peperangan kimia, keganasan.
Rider Manfaat Takaful Contract Holder Waiver of Contribution	<p>Tiada sumbangan masa depan akan dikecualikan sekiranya:</p> <ol style="list-style-type: none">1) Kematian disebabkan oleh bunuh diri (sama ada waras atau tidak waras) dalam tempoh 12 bulan dari tarikh kontrak dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula, yang mana terkemudian.2) TPD disebabkan oleh:<ul style="list-style-type: none">• Berkhidmat secara aktif dalam tentera laut, tentera darat, tentera udara, perkhidmatan berkaitan kebakaran dan polis;• AIDS;• Perjalanan melalui udara selain dari penerbangan komersial;• Penyalahgunaan dadah atau alkohol;• Penyalahgunaan dadah atau alkohol;• Sebarang percubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri (sama ada waras atau tidak waras); atau• Mogok, rusuhan, rusuhan awam.3) Penyakit kritikal disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagian, oleh mana-mana satu yang berikut:<ul style="list-style-type: none">• AIDS;• Keadaan kongenital;• Penyakit kritikal dalam tempoh menunggu kecuali keadaan penyakit kritikal disebabkan oleh kecederaan akibat kemalangan;• Penyalahgunaan dadah atau alkohol;• Mengambil bahagian dalam mana-mana kegemaran/aktiviti seperti sebarang jenis perlumbaan, sukan udara, menyelam, sukan profesional;• Keadaan sedia ada;• Mencederakan diri sendiri sama ada waras atau tidak waras; atau• Peperangan, peperangan biologi/peperangan kimia, keganasan.

Nota-nota penting

- 1) **Ini adalah produk Takaful yang berkait dengan prestasi aset-aset yang mendasarinya, dan ia bukanlah produk pelaburan semata-mata seperti unit amanah.**
- 2) Ini adalah risalah produk dan bukan dokumen kontrak. Sila rujuk kepada ilustrasi manfaat dan dokumen keterangan produk untuk maklumat lanjut mengenai pelan dan juga dokumen kontrak untuk terma-terma dan syarat-syarat lengkap di bawah pelan ini.
- 3) Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan memastikan bahawa sumbangan yang perlu dibayar di bawah pelan ini adalah amaun yang anda mampu bayar.
- 4) Sekiranya penyertaan anda melibatkan jumlah sumbangan yang agak besar, contohnya RM5,000 dan ke atas, anda seharusnya mempertimbangkan untuk menyertai pelan berkaitan-pelaburan sumbangan tunggal memandangkan pelan sumbangan tunggal menawarkan kadar peruntukan yang lebih baik untuk pelaburan.

Nota-nota penting (samb.)

- 5) Anda boleh membatalkan kontrak anda dalam tempoh 15 hari selepas ia dihantar dan amaun bayaran balik yang anda terima adalah jumlah sumbangan tidak diperuntukkan, nilai akaun pelaburan pada tarikh penilaian seterusnya dan sebarang tabarru' dan yuran kontrak yang telah dipotong, ditolak sebarang perbelanjaan yang ditanggung untuk sebarang pengunderaitan perubahan yang diperlukan.
- 6) Sekiranya anda membatalkan kontrak anda pada tahun-tahun awal, anda mungkin mendapat kembali amaun yang kurang daripada jumlah yang telah anda bayar.
- 7) Sekiranya anda tidak membayar sumbangan dalam tempoh masa 31 hari, terdapat kemungkinan di mana pada bila-bila masa nilai akaun anda tidak mencukupi untuk menyokong kontrak asas dan rider yang disertakan (jika ada) dan kontrak anda akan luput.
- 8) Amaun sumbangan yang dibayar boleh dituntut sebagai pelepasan cukai pendapatan, tertakluk kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri.
- 9) Semua cukai, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang cukai barang dan perkhidmatan, dan/atau lain-lain bentuk cukai jualan atau kepenggunaan, sama ada yang berkuatkuasa pada masa ini atau dilaksanakan selepas tarikh kontrak akan dikenakan mengikut undang-undang yang berkenaan pada kadar semasa. Jika perlu, kami akan meminda terma-terma kontrak untuk mengambil kira cukai-cukai sedemikian.
- 10) Pelan ini diuruskan oleh Sun Life Malaysia Takaful Berhad (689263-M), pengendali Takaful yang berdaftar dengan Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
- 11) Pelan ini diedarkan oleh:

--

What is SinarLink Sakinah?

It is a regular contribution investment-linked plan that offers Takaful protection and potential investment return up to the age of 99.

Besides the coverage against death and total and permanent disability (TPD), SinarLink Sakinah lets you invest in your desired fund(s) and take full advantage of top-up, fund switching and partial withdrawal. So whatever it is that you have in mind, be it raising a young family, preparing for your child's education, starting your own business or planning for your retirement, you can be sure that you have the flexibility to choose what you need to meet your financial goals and obligations.

